

31 OCT 1996

PENDUDUK PULAU PINANG UCAP TERIMA KASIH TERHADAP REBAT TAMBAHAN

PULAU PINANG, 31 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tenaga Nasional Berhad kerana memberi rebat tambahan 10 peratus kepada penduduk Pulau Pinang berikutan terputusnya bekalan elektrik selama sembilan hari pada Jun tahun lepas.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan dari Yokohama, Jepun, beliau berkata sagu hati daripada Tenaga Nasional itu akan mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap syarikat pembekal kemudahan awam itu.

Dr Koh sedang mengetuai rombongan negeri untuk menyertai Seminar Pelaburan Pulau Pinang dan Pesta Pulau Pinang bertujuan menggalakkan pelaburan, perdagangan dan pelancongan serta pertukaran kebudayaan antara kumpulan remaja dan wanita dengan negeri kembar Pulau Pinang, Wilayah Kanagawa.

Dr Koh, yang berlepas ke Jepun Selasa lalu, berkata beliau menemui Dr Mahathir pada pagi Isnin untuk mengucapkan terima kasih bagi pihak penduduk Pulau Pinang selepas dimaklumkan mengenai keputusan Kabinet pada 25 Okt.

Semalam, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie berkata pengguna di Pulau Pinang akan menerima bayaran rebat tambahan 10 peratus pada bil bulan Disember dan Januari. -- BERNAMA

NH AKD